FINCO memfokus kepada memperkasakan pembangunan penguasaan Bahasa Inggeris dan memberikan aspirasi kehidupan kepada kanak-kanak dan belia yang kurang bernasib baik, terutamanya dalam kumpulan isi rumah B40 (berpendapatan 40% terendah) untuk mencapai matlamat hidup mereka.

FINCO telah dilancarkan di Karnival Kewangan Sabah oleh Ketua Menteri, YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman dan disaksikan oleh Gabenor BNM, YBhg Tan Sri Muhammad bin Ibrahim pada 4 Ogos 2017 di Suria Mall di Kota Kinabalu.

Projek perintisnya, FINCO Reads, iaitu program untuk meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar telah diumumkan pada pelancaran itu. Projek ini bermula dengan 14 buah sekolah di seluruh Sabah dan akan disambung ke Sarawak dan seterusnya ke negeri-negeri lain di Malaysia.

Satu lagi program utamanya, FINCO Mentor, telah dilancarkan bersama dengan laman sesawang FINCO sempena dengan Karnival Kewangan Sarawak pada November 2017. FINCO Mentor adalah program kementoran dengan platform dalam talian dan pengaktifan luar talian. Ia akan dimulakan dengan 10 buah sekolah dan 1,500 pelajar di Sarawak pada tahun 2018.

Hari Dialog Bersama Ahli telah dianjurkan pada 5 Disember 2017 untuk memperkenalkan FINCO kepada semua ahli institusi kewangan serta melancarkan penglibatan mereka dalam program FINCO.

▶ Enam syarikat insurans hayat menawarkan pelan perlindungan mampu milik di bawah inisiatif *Perlindungan Tenang - Mampu & Mudah untuk semua rakyat Malaysia*

Enam syarikat insurans hayat telah menawarkan enam pelan perlindungan mampu milik di bawah inisiatif Perlindungan Tenang - Mampu & Mudah. Enam syarikat tersebut ialah AIA Bhd., Allianz Life Insurance Malaysia Berhad, Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad, Hong Leong Assurance Berhad, Sun Life Malaysia Assurance Berhad dan Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

Pelan mampu milik ini telah dilancarkan sempena dengan pelancaran rasmi inisiatif Perlindungan Tenang - Mampu & Mudah semasa Karnival Kewangan Sarawak oleh Ketua Menteri Sarawak, YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg dan disaksikan oleh Gabenor BNM, YBhg. Tan Sri Muhammad bin Ibrahim di CityOne Exhibition Centre, CityOne MegaMall Kuching.

Menerusi perlindungan asas yang disediakan di bawah inisiatif Perlindungan Tenang – Mampu & Mudah, rakyat Malaysia kini boleh melindungi diri mereka dan keluarga (terhadap risiko utama dalam kehidupan) dengan premium/caruman yang bermula daripada beberapa ringgit sebulan. Selain itu, ia juga menawarkan proses pentadbiran yang mudah di mana tuntutan akan dibayar dalam masa lima hari bekerja apabila dokumen lengkap dikemukakan.

Semua produk di bawah inisiatif Perlindungan Tenang – Mampu & Mudah akan mematuhi prinsip-prinsip asas dan ciri-ciri yang diluluskan oleh BNM dan akan menampilkan logo Perlindungan Tenang - Mampu & Mudah bagi memudahkan pengecaman produk ini. Untuk maklumat lanjut mengenai enam pelan perlindungan mampu milik tersebut, sila layari www.liam.org.my.

▶ Insurans Hayat Cares – Berkhidmat kepada Masyarakat

▶ Program Penglibatan Belia

▶ #IDAREYOUChallenge2017

LIAM meneruskan program penglibatan belianya pada tahun 2017 dengan pelancaran #IDAREYOUChallenge2017, iaitu pemerkasaan kepada Anugerah Video Belia yang telah diperkenalkan pada tahun 2015. Tahun ini, #IDAREYOUChallenge2017 yang menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM50,000 telah dibawa ke peringkat seterusnya bagi mewujudkan lebih kesedaran mengenai pentingnya perancangan dan perlindungan kewangan dalam kalangan generasi muda.

#IDAREYOUChallenge2017 memerlukan pelajar menghasilkan pelan pemasaran yang kreatif dan menerbitkan video sebagai alat pemasaran/pendidikan bagi menyokong pelan pemasaran tersebut.

#IDAREYOUChallenge2017 yang merupakan usaha sama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi telah dilancarkan secara rasminya pada 3 Oktober 2017 oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Yang Berhormat Datuk Mary Yap Kain Ching di Asia Pacific University of Technology & Innovation di Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Bagi mempromosikan lagi kempen ini dalam kalangan belia, 20 siri jelajah telah dilaksanakan di seluruh negara, termasuk empat di Sabah dan Sarawak sepanjang September hingga November 2017. Sebanyak 2,309 penyertaan kumpulan telah diterima bagi cabaran ini.

Sebanyak 30 pasukan terbaik telah disenarai pendek bagi menghadiri sesi bootcamp di Universiti Malaya pada 8 November 2017. Bootcamp ini meliputi tiga bidang utama – perancangan dan perlindungan kewangan, penerbitan video dan pemasaran digital.

Encik Ramzi Toubassy, Naib Presiden LIAM dan Pengerusi Jawatankuasa Promosi Industri merupakan salah seorang penceramah yang berkongsi pengalaman hidupnya dengan para pelajar dan menasihatkan mereka supaya memulakan perancangan kewangan mereka awal ketika usia masih muda. Dua penceramah luar, Encik Reuben Kang, anggota duet komedi terkenal di YouTube Malaysia, Jinnyboy, dan Leonard Chua, pakar pemasaran digital, juga berkongsi petua-petua yang bernilai mengenai penerbitan video dan berkongsi pengalaman mereka dengan para pelajar yang bersemangat.

▶ LIAM menganjurkan enam Bengkel Motivasi untuk Peserta Latihan Industri

Sejak pelancaran Program Latihan Industri Berstruktur LIAM (LIAM SIP) pada September 2016, ia telah mendaftarkan 230 peserta setakat Disember 2017 melalui enam pengambilan.

Sebagai sebahagian daripada keperluan di bawah program latihan industri ini, enam bengkel motivasi telah dikendalikan untuk para peserta. Bengkel ini telah diadakan pada 1 hingga 2 Disember 2016, 15 hingga 16 Mac 2017, 11 hingga 12 Julai 2017, 19 hingga 20 Oktober 2017, 7 hingga 8 Disember 2017 dan 8 hingga 9 Februari 2018.

Bengkel selama dua hari ini dikendalikan oleh fasilitator pembelajaran yang profesional untuk menanamkan sifat kepemimpinan, komunikasi dan kemahiran penyampaian yang baik.

Pegawai-pegawai kanan dari syarikat ahli LIAM juga dijemput untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka mengenai pelbagai topik pada bengkel ini.

Maklum balas yang diterima daripada para peserta pada bengkel ini amatlah positif dan menggalakkan. Selain menolong menambahbaikkan kemahiran penyampaian dan meningkatkan keyakinan diri, para peserta juga diinspirasi oleh penceramah-penceramah pada bengkel ini.

▶ Tokio Marine Life, AmMetLife dan Prudential Assurance menjadi tuan rumah lawatan sambil belajar untuk pelajar kolej

Tiga lawatan sambil belajar telah dijalankan sepanjang tahun yang telah dikendalikan oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. (TMLM), AmMetLife Insurance Berhad (AmMetLife) dan Prudential Assurance Malaysia Berhad (Prudential) pada 28 Februari, 8 Jun dan 3 Oktober 2017.

TMLM menjadi tuan rumah kepada kira-kira 30 pelajar Diploma Insurans dari Politeknik Shah Alam, AmMetLife menjadi tuan rumah kepada 40 pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Kesihatan dari Universiti Teknologi MARA Puncak Alam, manakala Prudential menjadi tuan rumah kepada 28 pelajar dari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Ia merupakan satu pengalaman yang memberi pemahaman yang mendalam dan bermanfaat kepada para pelajar ini yang telah diberi taklimat mengenai operasi syarikat insurans hayat, termasuk pelbagai produk yang dijual, proses pengunderaitan, tuntutan, pelarasan dan pengurusan risiko. Mereka juga menjalani sesi penglibatan yang menarik dengan para penceramah semasa latihan bina pasukan (*teambuilding*).

▶ LIAM melancarkan empat episod video e-bayaran bagi mewujudkan kesedaran

Bagi mempromosikan penggunaan e-bayaran dalam kalangan pelanggan, LIAM telah menerbitkan video empat episod yang memaparkan manfaat e-bayaran sebagai saluran pembayaran alternatif kepada pembayaran konvensional tunai atau cek untuk bil dan premium.

Video e-bayaran ini juga menggalakkan pelanggan untuk menggunakan e-bayaran dalam semua transaksi kerana ia selamat, cekap dan boleh dipercayai. Pelanggan tidak perlu bimbang tentang memberi butir-butir bank mereka kepada penanggung insurans kerana data peribadi mereka selamat dan dilindungi.

Transaksi e-bayaran pelanggan digunakan dalam kedua-dua cara, iaitu apabila membuat bayaran premium mereka kepada syarikat insurans atau apabila menerima dividen dan tuntutan mereka daripada syarikat insurans.

Video tersebut telah dilancarkan semasa Karnival Kewangan Sabah pada Ogos 2017 dan kini boleh ditonton di YouTube. Video tersebut juga dikongsi oleh syarikat-syarikat ahli di laman sesawang mereka masing-masing, portal dalam talian dan wadah media sosial yang lain bagi mempromosikan e-bayaran kepada pelanggan dan pihak berkepentingan mereka.

▶ Insurans Hayat Cares

▶ Lawatan muhibbah ke Institut Jantung Negara dan pelancaran Buku Jantung LIAM

Pasukan Insurans Hayat Cares yang diketuai oleh Presiden LIAM, Encik Toi See Jong dan Pengerusi Jawatankuasa Promosi Industri, Encik Ramzi Toubassy membawa keriang kepada kira-kira 50 kanak-kanak dan penjaga mereka di Wad Pediatrik, Institut Jantung Negara pada 9 Mac 2017.

Kanak-kanak ini menerima beg cenderahati yang mengandungi hadiah seperti patung mainan, alat tulis, barang makanan dan minuman. Mereka dihiburkan dengan kehadiran maskot *Didi & Friends*.

Sempena dengan lawatan itu, LIAM bersama IJN juga melancarkan buku "Adakah Jantung Anda Berisiko Tinggi?" untuk mewujudkan kesedaran mengenai penyakit jantung dalam kalangan rakyat Malaysia.

Buku ini yang dicetak dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris telah diedarkan kepada syarikat-syarikat ahli LIAM, pihak berkepentingan serta pada acara LIAM bagi meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya menjaga jantung dengan baik. Ia juga mempromosikan tabiat pemakanan sihat dan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia. Buku jantung ini dipaparkan di laman sesawang LIAM di www.liam.org.my untuk bacaan.

▶ Perjumpaan Hari Raya LIAM dengan media dan kanak-kanak yang kurang bernasib baik

Sempena perayaan Hari Raya, LIAM telah mengadakan perjumpaan untuk kira-kira 90 kanak-kanak dan penjaga mereka dari empat rumah kebajikan kanak-kanak di Sasana Kijang, Kuala Lumpur pada 20 Julai 2017.

Kanak-kanak dan remaja yang berumur di antara 6 hingga 17 tahun ini adalah dari Pertubuhan Anak Yatim dan Kebajikan Darul Izzah Kajang, Rumah Bakti Al-Kausar Bandar Baru Bangi, Philea Home Kapar dan Rumah KIDS Klang.

Mereka dijamu dengan juadah bufet Raya sambil dihiburkan oleh band tiga orang anggota. Kanak-kanak ini juga menerima duit raya dan beg cenderahati yang mengandungi patung beruang, set alat tulis, buku nota, beg sukan, topi dan botol air.

LIAM juga menyumbangkan barangan isi rumah asas seperti barangan runcit, barangan pencuci, barangan makanan dan kelengkapan dandanan diri kepada empat rumah kebajikan tersebut.

▶ Kempen Kesedaran Kesihatan dan Derma Darah Negara 2017

LIAM dan 16 syarikat ahlinya dengan kerjasama Pusat Darah Negara (PDN), Persatuan Kebangsaan Insurans Hayat Malaysia dan Penasihat Takaful Keluarga (NAMLIFA), Institut Jantung Negara (IJN) dan Pusat Pakar UKM telah melancarkan Kempen Kesedaran Kesihatan dan Derma Darah Negara bagi menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia.

Bertujuan untuk lebih mendekatkan industri ini kepada orang ramai dari segenap lapisan hidup, kempen yang berlangsung dari 18 September hingga 29 September 2017 ini telah dilancarkan oleh Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia, Encik Abu Hassan Alshari Yahaya, yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah inisiatif *Financial Industry Collective Outreach (FINCO)*. Ia telah diadakan di Ruang Concourse Medan MARA, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

Sempena dengan kempen derma darah ini, industri ini juga bekerjasama dengan IJN dan Pusat Pakar UKM untuk mewujudkan lebih kesedaran dalam kalangan orang ramai mengenai pentingnya melakukan saringan kesihatan bagi memantau keadaan kesihatan mereka dan mendidik mereka tentang isu-isu kesihatan melalui ceramah kesihatan yang dikendalikan oleh pakar-pakar dari kedua-dua institusi tersebut.

Bagi wilayah tengah, pusat derma darah telah disediakan di Ruang Concourse Medan MARA Kuala Lumpur dari 18 hingga 21 September 2017. Dalam tempoh ini, saringan kesihatan percuma, ujian BMI, ceramah kesihatan dan klinik berhenti merokok juga dianjurkan untuk orang ramai.

Sebanyak 52 pusat derma darah di seluruh negara telah disediakan oleh syarikat ahli LIAM dan NAMLIFA pada kempen selama dua minggu itu.

Kempen seluruh negara ini telah menerima kira-kira 3,000 penderma berdaftar.

▶ Persidangan/Seminar

▶ Latihan mengenai Piawai Pelaporan Kewangan Insurans baharu

Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia (IFRS/MFRS) 17 akan dilaksanakan mulai 1 Januari 2021.

LIAM dan Ernst & Young telah menganjurkan latihan selama sehari mengenai (IFRS/MFRS) 17 di Menara Great Eastern pada 7 Februari 2017 untuk memberikan peluang kepada ahli-ahli mendapat pemahaman yang lebih baik mengenai piawai perakaunan baharu ini. Seramai kira-kira 32 peserta dari jabatan kewangan dan aktuari syarikat ahli LIAM telah menghadiri latihan ini. Pembentangan dibuat oleh Encik Brandon Bruce Sta Maria, Encik Harun Kannan Rajagopal, Encik Jeremy Lim Jern dan Encik Chee Heng Luen dari Ernst & Young.

Satu lagi sesi latihan mengenai (IFRS/MFRS) 17 telah diadakan pada 7 September 2017 di Bukit Kiara Resort untuk pengurusan kanan syarikat ahli LIAM. Seramai kira-kira 28 peserta menghadiri latihan ini dan antaranya ialah Puan Anusha Thavarajah, Ketua Pegawai Eksekutif AIA Bhd., YBhg Dato Koh Yaw Hui, Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad dan Encik Liew Pek Hin, Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Life Reinsurance Group Berhad.

▶ Kongres Insurans Hayat Asia Pasifik Ke-16

Ahli Jawatankuasa Pengurusan LIAM, Encik Gan Leong Hin, yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Prudential Assurance Malaysia Berhad mewakili LIAM untuk menyampaikan ucapan pembukaan pada upacara pembukaan Kongres Insurans Hayat Asia Pasifik Ke-16 yang dianjurkan oleh NAMLIFA pada 17 Mei 2017.

LIAM merupakan salah sebuah organisasi yang menyokong Kongres ini yang telah berlangsung dari 17 hingga 19 Mei 2017 di Arena of Stars, Genting Highlands. Kongres ini telah dihadiri oleh kira-kira 5,000 pengamal insurans dari Asia Pasifik dan seluruh dunia.

▶ Seminar Pematuhan Kod Amalan Privasi mengenai Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Memandangkan betapa pentingnya pematuhan Kod Amalan Privasi mengenai Akta Perlindungan Peribadi 2010 (PDPA) dalam operasi syarikat insurans, LIAM bersama dengan PIAM dan MTA telah menganjurkan seminar mengenai pematuhan Kod Amalan tersebut untuk penanggung insurans hayat dan am dan juga pengendali takaful di Menara AIA pada 10 April 2017.

Objektif utama seminar ini ialah untuk memberikan lebih pemahaman mengenai keperluan Kod Amalan ini kepada ahli-ahli. Seramai kira-kira 184 kakitangan kanan dari pelbagai jabatan seperti pematuhan, undang-undang, pengunderaitan dan pengedaran telah menghadiri seminar ini. Seminar ini telah dibentangkan oleh Tetuan Christopher & Lee Ong yang membantu industri ini mendraf Kod ini.

Majlis pelancaran dan menandatangani Kod Amalan Privasi di antara LIAM, PIAM dan MTA dengan Jabatan PDP telah di adakan pada 24 Februari 2017 di Lanai Kijang, BNM. Jabatan PDP diwakili oleh Pesuruhjayanya, Yang Berusaha Puan Khadijah bt Mohamad Darus manakala LIAM, PIAM dan MTA diwakili oleh Encik Toi See Jong, Presiden LIAM, Encik Antony Lee, Pengerusi PIAM dan Encik Muhammad Fikri bin Mohamad Rawi, Pengerusi MTA.

► Persidangan Strategi Operasi LIMRA LOMA

Encik Ramzi Toubassy, Naib Presiden LIAM dan Pengerusi Jawatankuasa Promosi Industri yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif AmMetLife Insurance Berhad mewakili industri ini untuk menyampaikan ucapan pada pembukaan Persidangan Strategi Operasi LIMRA LOMA yang telah diadakan pada 22 Mei 2017 di Le Meridien Hotel, Kuala Lumpur.

Persidangan ini yang bertemakan "Game Player or Game Changer, Agility in Disruptive Times" telah menarik seramai kira-kira 150 peserta antarabangsa dan tempatan. LIAM merupakan salah sebuah organisasi yang menyokong Persidangan ini.

LIAM juga telah menjadi tuan rumah kepada sesi Meja Bulat LOMA dengan wakil-wakil Sumber Manusia industri ini pada 25 Mei 2017 untuk memberi taklimat kepada mereka mengenai Pendidikan Insurans dan Perkhidmatan Kewangan yang disediakan oleh LOMA.

► Malam Anugerah AKARD Nasional Ke-14, 2017

Encik Phillip Smith, Ahli Jawatankuasa Pengurusan LIAM yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Zurich Insurance Malaysia Berhad, mewakili LIAM untuk menyampaikan ucapan di Malam Anugerah AKARD Nasional bagi kali ke 14 yang diadakan pada 16 Ogos 2017 di HGH Convention Center di Kuala Lumpur.

Dianjurkan oleh NAMLIFA, acara ini bertujuan untuk memberi penghargaan dan meraikan kejayaan yang dicapai oleh ejen-ejen dari pelbagai syarikat insurans di negara ini. LIAM merupakan salah sebuah organisasi penyokong acara ini.

► Persidangan Tahunan Perancangan Kewangan Signature 2017 dan Persidangan Profesional & Etika MFPC 2017

LIAM terus memberikan sokongannya kepada Majlis Perancang Kewangan Malaysia (MFPC) pada tahun itu dengan menjadi penaja persidangannya.

MFPC, Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (FPAM), Persatuan Penasihat Kewangan (AFA) dan Persatuan Penasihat dan Perancang Kewangan Malaysia (MFPAA) telah menganjurkan Persidangan Tahunan Perancangan Kewangan Signature di Suruhanjaya Sekuriti, Kuala Lumpur pada 29 Ogos 2017.

Dengan tema, "Upholding High Integrity – the Cornerstone in Financial Planning", persidangan ini bertujuan untuk membantu perancang kewangan membina keyakinan dan kepercayaan awam bagi memperkasakan kedudukan mereka sebagai perancang kewangan berlesen serta mempromosikan kepentingan perancangan kewangan peribadi.

Persidangan Profesional & Etika MFPC dengan tema "Professional Ethics Drives Sustainable Business" telah diadakan di Suruhanjaya Sekuriti, Kuala Lumpur pada 4 Oktober 2017. Persidangan ini menumpukan kepada isu-isu semasa dan perbincangan berkaitan dengan jurang kewangan dan etika antara penyedia kewangan dan pelanggan.

LIAM adalah penaja pada kedua-dua persidangan ini.

► Konvensyen Ejen Insurans Hayat Bumiputera 2017

Seramai kira-kira 440 peserta telah menghadiri Konvensyen Ejen Insurans Hayat Bumiputera yang dianjurkan oleh Institut Insurans Malaysia (MII) pada 21 Oktober 2017 di Hotel Istana Kuala Lumpur.

Encik Gan Leong Hin, ahli Jawatankuasa Pengurusan LIAM, telah menyampaikan ucapan alu-aluan dan menyaksikan penyampaian anugerah pencapaian kepada ejen-ejen terbaik Bumiputera. LIAM merupakan organisasi penyokong konvensyen tahunan ini.

Konvensyen sehari dengan tema, *Pilihan, Peluang, Perubahan* menampilkan barisan penceramah yang menarik dan memberi inspirasi termasuk selebriti popular, Chef Wan, untuk berkongsi pengetahuan mereka dan menginspirasi ejen-ejen supaya cemerlang dalam kerjaya mereka.

Pada konvensyen itu, anugerah juga disampaikan bagi mengiktiraf usaha dan pencapaian penghasil terbaik Bumiputera dalam industri insurans hayat.

► Persidangan Asia Ke-13 mengenai Pencen dan Perancangan Persaraan

Naib Presiden LIAM dan Pengerusi Jawatankuasa Promosi Industri, Encik Ramzi Toubassy, telah menyampaikan ucapan alu-aluan pada Persidangan Asia Ke-13 mengenai Pencen dan Perancangan Persaraan yang diadakan di Mandarin Oriental, Kuala Lumpur dari 18 hingga 19 September 2017.

Dianjurkan oleh Asia Insurance Review, LIAM merupakan salah sebuah organisasi yang menyokong persidangan ini. Dengan tema "Making Pensions SMART: Sustainable. Meaty. Appropriate. Responsive. Timely", persidangan ini membincangkan mengenai reformasi dan pembaharuan pencen terbaru, isu kenaikan kos dan keselamatan peruntukan pencen termasuk kawal selia, kewangan, teknologi, risiko kelanjutan umur serta penyelesaian dan strategi pengurusan kesihatan dan kekayaan.

► Persidangan Antarabangsa Ke-9 mengenai Jenayah Kewangan dan Pembiayaan Keganasan 2017

Lebih daripada 800 peserta telah menghadiri Persidangan Antarabangsa Ke-9 mengenai Jenayah Kewangan dan Pembiayaan Keganasan (IFCTF) yang telah berlangsung dari 4 hingga 5 Oktober 2017 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur.

Persidangan ini yang dilancarkan oleh Gabenor BNM, YBhg Tan Sri Muhammad bin Ibrahim, telah dianjurkan oleh Institut Kewangan Asia (AIF) dengan sokongan penuh daripada BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Bertemakan "Future Proofing Compliance: Responsibility and Response-Ability", persidangan selama dua hari ini menampilkan barisan pakar antarabangsa dan pakar industri yang berkongsi pengetahuan dan pemikiran mereka tentang pelbagai topik yang berkaitan dengan jenayah kewangan dan pembiayaan keganasan seperti memperkasakan pemantauan transaksi AML, keselamatan siber, risiko pengubahan wang haram menerusi biaya ramai (crowdfunding), sesawang gelap dan mata wang kripto.

Puan Lalitha Josephine Shariffa, Pengerusi Kumpulan CONG LIAM, merupakan salah seorang ahli panel dalam sesi serentak mengenai "Risk of money laundering in life insurance".

► Sidang Kemuncak Insurans Malaysia Ke-7

Sidang Kemuncak Insurans Malaysia Ke-7 yang dianjurkan oleh MII telah diadakan di Hotel Sunway Putra Kuala Lumpur dari 30 hingga 31 Oktober 2017. LIAM merupakan salah satu daripada rakan strategik persidangan ini.

Bertemakan, "Towards Resilience: Are We on the Right Path?", Sidang Kemuncak ini yang menampilkan lebih daripada 20 penceramah berilmu menyediakan platform terbaik untuk para peserta berkongsi dan bertukar-tukar maklumat mengenai pelbagai topik yang mempengaruhi dinamik dan pertumbuhan sektor insurans.

Antara penceramah tersebut ialah Encik Ramzi Toubassy, Naib Presiden LIAM dan Pengerusi Jawatankuasa Promosi Industri, yang memberi ceramah tentang "Life Insurance Industry – An Aspiration towards Achieving 75% Penetration Rate and Reducing Protection Gap".

Encik Rangam Bir, Ketua Pegawai Eksekutif Gibraltar BSN Life Berhad, Encik Raymond Lew, Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia Berhad dan Encik Philip Smith, Ketua Pegawai Eksekutif Zurich Insurance Malaysia Berhad mengambil bahagian dalam perbincangan panel bertajuk "CEOs in Focus: Reinventing the Life Business".

Sepertimana sidang kemuncak sebelum ini, sesi dialog tertutup yang dipengerusikan oleh Gabenor BNM, YBhg Tan Sri Muhammad bin Ibrahim, telah diadakan antara BNM dan Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif dari syarikat insurans hayat, am dan takaful. Sesi ini memberikan peluang yang amat baik bagi ketua-ketua industri berbincang dengan pengawal selia mengenai isu-isu utama yang dihadapi oleh industri ini seperti e-bayaran, profesionalisme ejen, strategi pembangunan bakat industri serta pendigitalan dan kemajuan teknologi dalam industri ini.

► Seminar Persatuan Penyelia Insurans Antarabangsa (IAIS) 2017

Persatuan Penyelia Insurans Antarabangsa (IAIS) dan BNM telah menganjurkan Persidangan Tahunan IAIS Ke-24 dari 2 hingga 3 November 2017 di Sasana Kijang, Kuala Lumpur.

Dengan tema "Insurance Supervision, Looking Beyond", persidangan tahun ini menerokai ruang lingkup baharu dalam penyeliaan dan pengawalseliaan sektor insurans serta menyediakan platform bagi penyelia insurans dari serata dunia untuk bertukar-tukar pandangan dan mengukuhkan kerjasama memandangkan perubahan pesat yang berlaku dalam industri insurans dan sektor kewangan yang lebih luas.

Persidangan ini telah dihadiri oleh kapten-kapten industri serta pelbagai kumpulan pengawal selia dan perwakilan asing dari serata dunia.

LIAM mengambil kesempatan ini untuk menganjurkan sesi perangkaian (networking session) dengan perwakilan dari Majlis Penanggung Insurans Hayat Amerika (ACLI) semasa waktu rehat pada 2 November 2017. Perwakilan yang terdiri daripada 10 orang anggota ini diketuai oleh Gabenor ACLI, Encik Dirk Kempthorne, manakala pasukan LIAM diketuai oleh Presiden LIAM, Encik Toi See Jong.

► Mesyuarat Majlis Insurans ASEAN Ke-43

Perwakilan dari pelbagai persatuan di seluruh rantau ini berkumpul di Vientiane, Lao PDR untuk menghadiri mesyuarat Majlis Insurans ASEAN (AIC) Ke-43 yang berlangsung dari 21 hingga 23 November 2017. AIC adalah persatuan insurans sektor swasta serantau di ASEAN yang ditubuhkan untuk memupuk hubungan dan kerjasama dalam kalangan penanggung insurans ASEAN. Mesyuarat Majlis ini diadakan setahun sekali di negara ASEAN yang ditetapkan.

AIC menyediakan platform yang amat baik bagi penanggung insurans berkongsi dan bertukar-tukar maklumat mengenai isu kebimbangan bersama. Antara isu yang dibangkitkan pada mesyuarat di Vientiane ini ialah kenaikan kos perubatan yang dihadapi oleh penanggung insurans di hampir setiap negara ASEAN, implikasi cukai IFRS 17, menggalakkan kadar penembusan yang lebih tinggi melalui insentif cukai dan cara-cara syarikat insurans hayat dapat menyokong projek infrastruktur melalui pembiayaan jangka panjang.

Ahli-ahli majlis juga telah mengadakan mesyuarat pleno bersama dengan pengawal selia insurans ASEAN.

► Kunjungan Hormat

► Kunjungan oleh Dai-ichi Life Insurance Company, Jepun

Sekumpulan kakitangan dari Dai-ichi Life Insurance Company, Jepun, yang sedang menjalani latihan mereka di Kolej Universiti TAR di Kuala Lumpur, telah mengunjungi LIAM untuk mempelajari lebih lanjut mengenai perkembangan industri insurans hayat di Malaysia. Seramai kira-kira 13 kakitangan mengunjungi LIAM pada 17 Ogos 2017 dan kumpulan seramai 12 kakitangan lagi mengunjungi LIAM pada 12 Oktober 2017.

► Majlis makan malam sosial LIAM

LIAM telah menganjurkan dua majlis makan untuk para Ketua Pegawai Eksekutif dan kakitangan pengurusan kanan bagi menjalin hubungan dan ikatan yang erat dengan kapten-kapten dalam industri ini serta mengikuti perkembangan terbaru dalam industri ini.

Majlis makan malam ini telah diadakan pada 2 November 2017 dan pada 19 Februari 2018 di Byblos Mediterranean and Lebanese Cafe & Lounge, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur dan di ALIYAA Restaurant and Bar di Bukit Damansara, Kuala Lumpur.

► Majlis graduasi MII

Seramai kira-kira 100 graduan dari industri ini telah menghadiri majlis graduasi MII yang berlangsung di Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia pada 12 Ogos 2017.

Antara graduan dari industri insurans hayat ialah YBhg Dato Koh Yaw Hui, Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad dan Encik Ravinder Singh, Ketua Hayat, Hannover Life Re, yang telah berjaya mendapat "Fellowship" Institut Insurans Malaysia (FMII-Senior Route) pada tahun 2017.

► Ulang tahun ke-50 OLIS

Oriental Life Insurance Cultural Development Centre (OLICD), juga dikenali sebagai OLIS, meraikan ulang tahunnya yang ke-50 pada Oktober 2017. Sempena peristiwa yang penuh bermakna ini, OLIS telah menganjurkan majlis makan malam istimewa pada 24 Oktober 2017 dan disusuli dengan simposium selama dua hari dari 25 hingga 26 Oktober 2017. Sebagai tanda persahabatan dan hubungan baik yang terjalin antara LIAM dan OLIS selama ini, Presiden LIAM, Encik Toi See Jong, dan Setiausaha Eksekutif, Puan Nancy Tan, telah menghadiri kedua-dua acara tersebut untuk meraikan peristiwa istimewa ini dengan pihak pengurusan OLIS.

OLIS telah ditubuhkan pada tahun 1967 oleh Kyoei Life bagi menggalakkan pembangunan perniagaan insurans hayat di Asia melalui perkongsian pengetahuan mengenai insurans hayat dan membangunkan kakitangan industri yang berkebolehan bagi menyokong pertumbuhan industri.

Sepanjang penglibatannya, OLIS telah menganjurkan siri seminar di Jepun dan juga di luar negara termasuk di Kuala Lumpur di mana lebih daripada 4,400 kakitangan industri telah mengambil bahagian dalam seminar ini.

▶ LIAM mempromosikan kesedaran perancangan kewangan dalam rancangan 'Money Money Home' terbitan ASTRO

Pada tahun itu, LIAM juga telah mengambil bahagian dalam penerbitan rancangan dua episod "Money Money Home" terbitan ASTRO di Saluran AEC 301. Rancangan ini yang diterbitkan dalam bahasa Mandarin bertujuan untuk mewujudkan kesedaran tentang isu-isu berkaitan wang dan mendidik rakyat Malaysia tentang perancangan kewangan.

Dua temu bual yang telah diprarakam dibuat dengan Naib Presiden LIAM/Pengerusi Jawatankuasa Promosi Industri, Encik Ramzi Toubassy, dan ahli Jawatankuasa Pengurusan LIAM, Puan Anusha Thavarajah, yang meliputi topik berkaitan perbandingan di antara produk pelaburan dan produk hayat dengan produk perubatan.

Dua episod tersebut telah disiarkan di Saluran AEC 301 ASTRO pada 9 April 2017 dan 16 April 2017 jam 8.30 malam.

▶ Penglibatan media

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memupuk hubungan yang baik dengan media dan selaras dengan program pendidikan pengguna, pada tahun itu, LIAM terus bekerjasama rapat dengan media untuk meningkatkan tahap celik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Pada tahun itu, pelbagai berita dan ulasan tentang aktiviti LIAM dan kenyataan akhbar LIAM telah disiarkan dalam media cetak, portal dalam talian dan wadah media sosial yang mendapat pendedahan yang baik dalam kalangan pembaca. Terdapat juga temu bual eksklusif yang diaturkan dengan beberapa buah syarikat penerbitan, stesen radio dan TV.

▶ Penglibatan dengan pihak berkepentingan

Jawatankuasa Pengurusan LIAM terus melibatkan diri dengan pihak berkepentingan demi mengekalkan hubungan kerja bersama dalam berkhidmat untuk industri ini. Salah satu daripada pihak berkepentingan ini ialah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Pada 27 November 2017, Jawatankuasa Pengurusan LIAM telah menganjurkan majlis makan tengah hari untuk pasukan pengurusan kanan PIDM yang diketuai oleh Encik Rafiz Azuan Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif PIDM, di Hotel Majestic di Kuala Lumpur.

PIDM adalah agensi kerajaan yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 yang memberi perlindungan kepada pendeposit bank, pemegang polisi insurans dan pemegang sijil takaful terhadap kehilangan deposit atau manfaat insurans/takaful mereka sekiranya bank, syarikat insurans atau takaful tidak dapat membayar balik kepada pendeposit bagi deposit mereka yang diinsuranskan.

▶ Potongan cukai ke atas levi PIDM

Kementerian Kewangan (MOF) menerusi suratnya bertarikh 27 Julai 2017 mengesahkan bahawa pengecualian cukai ke atas levi yang dibayar kepada PIDM yang diberikan kepada syarikat insurans dan pengendali takaful boleh dituntut daripada dana pemegang saham seperti yang diamalkan pada masa ini oleh syarikat insurans dan pengendali takaful. Ini terpakai bagi tahun taksiran dari 2015 hingga 2017 dan perintah cukai baharu akan dikeluarkan bagi tahun taksiran 2018 dan seterusnya.

LIAM telah menghubungi PIDM bagi mendapatkan bantuannya untuk berbincang dengan MOF supaya layanan cukai semasa diteruskan bagi tahun taksiran 2018 dan seterusnya.

▶ Piagam Perkhidmatan Pelanggan bagi industri insurans hayat

Dalam usaha untuk meningkatkan tahap perkhidmatannya kepada pemegang polisi, Piagam Pelanggan yang telah diperkenalkan pada Januari 2011 telah digantikan dengan Piagam Perkhidmatan Pelanggan (CSC) yang lebih komprehensif pada Disember 2017. Bertujuan untuk menekankan komitmen penanggung insurans dalam memberikan standard perkhidmatan pelanggan yang tinggi secara konsisten, semakan Piagam ini telah memperkenalkan standard industri minimum tertentu berhubung dengan jangka masa (*turnaround times*) bagi perkhidmatan tertentu.

CSC, yang menggariskan dengan teliti tahap perkhidmatan minimum yang diharapkan, termasuk jangka masa bagi perkhidmatan tertentu, memperincikan empat rukun utama

- Memastikan insurans mudah diakses,
- Mengenal pelanggan,
- Memastikan perkhidmatan yang telus dan cekap,
- Penyelesaian tuntutan yang adil dan tepat pada masanya.

Dengan adanya CSC yang baharu ini, industri ini bersedia untuk memberikan pengalaman dan kepuasan pelanggan yang lebih baik, meraih kepercayaan mereka dan mengurangkan bilangan aduan.

▶ Kesimpulan

Jawatankuasa Pengurusan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaannya kepada semua syarikat ahli LIAM di atas sokongan mereka yang tidak berbelah bahagi dan penyertaan aktif dalam aktiviti dan acara LIAM sepanjang tahun itu.

LIAM menjangkakan cabaran yang lebih besar sedang menanti ketika industri ini meneruskan agenda transformasinya di bawah Rangka Kerja Insurans Hayat. Kami mengharapkan sokongan dan kerjasama yang berterusan daripada ahli ketika kami bersiap sedia untuk menghadapi cabaran ini demi membina industri yang lebih berdaya tahan dan progresif yang sedia untuk memenuhi pelbagai keperluan pengguna dan menyumbang kepada pertumbuhan negara.

► Life Insurance Business

The life insurance industry continues with an upward trend in 2017 with higher insurance protection for Malaysians, providing insurance coverage amounting to RM1.38 trillion in sum assured for all policies combined in 2017. This amount is 6.0% higher than the corresponding figure of RM1.3 trillion in 2016.

SUM ASSURED

Type	2016	2017	Difference	Growth
Traditional	341,442,701,192	336,091,900,260	(5,350,800,932)	-1.6%
Investment-Linked	440,278,367,250	527,320,693,482	87,042,326,232	19.8%
Group	518,115,555,078	514,483,339,847	(3,632,215,231)	0.7%
TOTAL	1,299,836,623,520	1,377,895,933,589	78,059,310,069	6.0%

The healthy performance of the life insurance industry reflects the continued increase in awareness among Malaysians on the importance of insurance protection.

As a whole, the life insurance industry provided insurance protection to 12.6 million lives (counting lives with multiple policies as separate lives) in 2017, a marginal increase of 11,978 lives compared with year 2016.

NUMBER OF POLICIES

Type	2016	2017	Difference	Growth
Traditional	8,003,614	7,665,075	(338,539)	-4.2%
Investment-Linked	4,533,941	4,884,068	350,127	7.7%
Annuity	96,147	96,537	390	0.4%
TOTAL	12,633,702	12,645,680	11,978	0.1%

The per capita sum assured also increased from RM41,055 in 2016 to RM42,992 in 2017.

However, the per capita sum assured of RM42,992 is still way below the amount needed to support one family member in the event of the death or disability of the breadwinner. Based on the 2012 Underinsurance Study in Malaysia undertaken by University Kebangsaan Malaysia and LIAM in 2013, the average mortality gap for each member of a family is about RM100,000 to RM150,000.

SUM ASSURED PER CAPITA

	2016	2017
Total Sum Assured	1,299,836,623,520	1,377,895,933,589
Population	31,660,700	32,049,700
Sum Assured per Capita	41,055	42,992

On new business total premium, the industry grew 3.8% in 2017 with total premium volume recording RM10.12 billion.

NEW BUSINESS - TOTAL PREMIUMS

Total Premium RM million	January to December		
	2016	2017	Growth
Individual			
- Traditional	3,026	2,227	-26.4%
- Investment-linked	3,661	4,652	27.1%
Group	3,059	3,240	5.9%
TOTAL	9,746	10,119	3.8%

Based on New Business Annual Premium Equivalent (measured by 10% of Single Premium and 100% Annualised Premium), the life insurance industry grew by 1.9% to RM5.82 billion (2016 : 16.2%).

In terms of individual business, investment-linked business performed much more favourably compared to traditional policies. Investment-linked business recorded an increase of 19.4% in 2017 (2016 : 16.4%) while traditional business recorded a negative growth of -22.0% (2016 : 20.0%). Group policies maintained a stable growth of 4.9% (2016 : 4.8%).

NEW BUSINESS - ANNUAL PREMIUM EQUIVALENT

Annual Premium Equivalent RM million	January to December		
	2016	2017	Growth
Individual			
- Traditional	2,290	1,786	-22.0%
- Investment-linked	3,074	3,670	19.4%
Group	348	365	4.9%
Individual + Group	5,712	5,821	1.9%

Total in force premiums in 2017 recorded a slight increase of 3.3% to RM36.6 billion.

IN FORCE PREMIUMS

RM million	January to December		
	2016	2017	Growth
- Traditional	18,049	16,775	-7.1%
- Investment-linked	13,959	16,406	17.5%
- Annuity	501	510	1.8%
Group	2,927	2,929	0.1%
TOTAL	35,436	36,620	3.3%

The life insurance industry also registered an increase of 5.3% in claims amounting to RM10.1 billion as compared to RM9.7 billion in 2016. The growth in claims payments was contributed mainly by higher death and disability claims.

The increase in healthcare costs is a major concern in the industry as companies try to keep the healthcare premium affordable for all. Among the efforts undertaken by the industry to manage the rising medical costs include working closely with various stakeholders to ensure that the healthcare premiums continue to be maintained at an affordable level, proposing to request that private hospitals on insurers' panel to publish their charges on common surgeries and treatments, standardise their billing format to enhance the efficiency of keeping tabs on claims amounts and work with healthcare providers to ensure that medical treatments are charged at fair prices and treatments recommended are clinically indicated.

CLAIMS PAYMENT

Benefit	2016	2017	Difference	Growth
Death	1,222,411,558	1,336,279,422	113,867,864	9.3%
Disability	85,868,248	116,338,752	30,470,504	35.5%
Medical	3,408,176,898	3,660,715,515	252,538,617	7.4%
Bonuses	3,577,266,832	3,635,523,002	58,256,170	1.6%
Others	1,364,276,198	1,419,470,204	55,194,006	4.0%
TOTAL	9,657,999,734	10,168,326,895	510,327,161	5.3%

Outlook

The outlook and prospect of the life insurance sector remains positive as the percentage of population with life insurance or takaful plans is still low at 54%. Taking into account policyholders with more than one life or takaful policy/certificate, only 34 out of 100 people are insured.

In response to this challenge, Bank Negara Malaysia together with LIAM, the Malaysian Takaful Association and Persatuan Insurans Am Malaysia came up with a bold and noble initiative in November 2017 to launch an affordable insurance scheme "Perlindungan Tenang – Mampu & Mudah".

Riding on three basic criteria of being Affordable, Accessible and Simple, Perlindungan Tenang is sold by six life insurance companies. Through the basic protection provided under the Perlindungan Tenang initiative, Malaysians can now protect themselves and families (against key risks in life) with premiums/contributions from only a few ringgit per month.

In July 2017, significant developments was made to offer life insurance via on-line/internet channels and direct walk-in. The introduction of easy, hassle-free distribution channels is to make life insurance purchase simple and quick.


The life insurance industry also introduced a more comprehensive Customer Service Charter (CSC) in December 2017. Aimed at underscoring the insurers' commitment to deliver a consistent high standard of customer service, the revised Charter has introduced certain minimum industry standards with regard to turnaround times for specified services. With the new CSC in place, the industry is set to provide better customer experience and satisfaction, by gaining their trusts and reducing the number of complaints.

Effective January 2018, the Balanced Scorecard (BSC) for agents was introduced. Under the BSC framework, a proportion of agents remuneration will be dependant on a number of factors such as persistency, professionalism, advice given to customers, good service etc. This will be a major transformation to the life insurance experience for policyholders.


Source: Life Insurance Association of Malaysia (LIAM)

Life Insurance Business (2012-2016)

NUMBER OF POLICIES




SUMS INSURED




Source: Bank Negara Malaysia - Monthly Highlights and Statistics December 2017

NEW BUSINESS: TOTAL PREMIUMS




TOTAL BUSINESS IN FORCE: ANNUAL PREMIUMS




Source: Bank Negara Malaysia - Monthly Highlights and Statistics December 2017

INCOME




OUTGO (EXPENDITURE)



Source: Bank Negara Malaysia - Monthly Highlights and Statistics December 2017


ASSETS OF LIFE INSURANCE FUNDS




Source: Bank Negara Malaysia - Monthly Highlights and Statistics December 2017

► Statistics on Life Insurance Industry


NUMBER OF AGENTS




NUMBER OF AGENTS BY AGE




NUMBER OF AGENTS BY GENDER




NUMBER OF AGENTS BY ETHNIC GROUP




NUMBER OF AGENTS BY EDUCATION LEVEL



DISTRIBUTION OF AGENTS BY STATES (AS AT 31 DECEMBER 2017)



NUMBER OF BANK STAFF SELLING LIFE INSURANCE



* There may be overlapping count of bank staff who are selling more than one insurance company's products.

LIAM members with Bancassurance tie-ups:

- AIA Bhd.
- Alliance Life Insurance Malaysia Berhad
- AmMetLife Insurance Berhad
- AXA AFFIN Life Insurance Berhad
- Etiqa Insurance Berhad
- Gibraltar BSN Life Berhad
- Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad
- Hong Leong Assurance Berhad
- Manulife Insurance Berhad
- Prudential Assurance Malaysia Berhad
- Sun Life Malaysia Assurance Berhad
- Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

List of Banks/Other Institutions with registered staff selling life insurance products:

- Affin Bank Berhad
- Alliance Bank Malaysia Berhad
- AmBank (M) Berhad
- Bangkok Bank Berhad
- Bank of China (Malaysia) Berhad
- BSN Commercial Bank (Malaysia) Bhd
- CIMB Bank Berhad
- Citibank Berhad
- Deutsche Bank (Malaysia) Berhad
- HSBC Bank Malaysia Berhad
- Hong Leong Bank Berhad
- Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad
- Malayan Banking Berhad
- Malaysia Building Society Berhad
- OCBC Bank (Malaysia) Berhad
- Pos Malaysia Berhad
- Public Bank Berhad
- RHB Bank Berhad
- Standard Chartered Bank Malaysia
- United Overseas Bank (Malaysia) Berhad

Source: Life Insurance Association of Malaysia (LIAM)

► Members of LIAM



AIA Bhd.

Menara AIA,
99 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
Telephone No: 1-300-88-1899 / 03-2056 1111
Fax No: 03-2056 2291
E-mail: my.customer@aia.com
<http://www.aia.com.my>



Etiqa Insurance Berhad

Level 19, Tower C, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur
Telephone No: 03-2297 3888 Fax No: 03-2297 3800
Contact Centre: 1-300-13-8888
Email: info@etiqa.com.my
<http://www.etiqa.com.my>



Allianz Life Insurance Malaysia Berhad

Level 29, Menara Allianz Sentral
203, Jalan Tun Sambanthan
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur
Telephone No: 03-2264 1188 / 2264 0688
Fax No: 03-2264 1128
E-mail: customer.service@allianz.com.my
<http://www.allianz.com.my>



Gibraltar BSN Life Berhad

Bangunan Gibraltar BSN
16, Jalan Tun Tan Siew Sin, 50050 Kuala Lumpur
Telephone No: 03-2687 2000 Fax No: 03-2026 6097
Customer Service Hotline: 1-300-22-6262 (local) /
03-2687 2020 (overseas)
E-mail: customerservice@gibraltarbsn.com
<http://www.GibraltarBSN.com>



AmMetLife Insurance Berhad

Level 24, Menara 1 Sentrum
No. 201, Jalan Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur
Telephone No: 03-2271 8000 Fax: 03-2272 3230
E-mail: customercare@ammetlife.com
feedback@ammetlife.com
<https://www.ammetlife.com>



Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad

Menara Great Eastern
303, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
Telephone No: 03-4259 8888 Fax No: 03-4259 8000
Email: wecare-my@greatasteasternlife.com
<http://www.greatasteasternlife.com>



AXA AFFIN Life Insurance Berhad

8th Floor Chulan Tower
3 Jalan Conlay, 50450 Kuala Lumpur
Telephone No: 03-2117 6688 / 1-300-88-1616
Fax No: 03-2117 3698
Email: customer.care@axa-life.com.my
<http://www.axa.com.my>



Hannover Rueck SE, Malaysian Branch

Suite 29-01, Integra Tower, The Intermark,
348 Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Telephone No: 03-2687 3600
Fax No: 03-2687 3760 / 2687 3762
<http://www.hannover-re.com>

HongLeong Assurance

Hong Leong Assurance Berhad

Level 3, Tower B, PJ City Development
No. 15A Jalan 219, Seksyen 51A
46100 Petaling Jaya, Selangor
Telephone No: 03-7650 1818 Fax No: 03-7650 1991
Customer Service Hotline: 03-7650 1288
Customer Service Hotfax: 03-7650 1299
<http://www.hla.com.my>



Malaysian Life Reinsurance Group Berhad

Unit 39-A-6, Level 39, Tower A
Menara UOA Bangsar
No. 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur
Telephone No: 03-2780 6611 Fax No: 03-2780 6622
Email: info@mlre.igare.com

Manulife

Manulife Insurance Berhad

16th Floor, Menara Manulife
6, Jalan Gelenggang
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur
Telephone No: 03-2719 9228 Fax No: 03-2092 2960
<http://www.manulife.com.my>

MCIS INSURANCE

MCIS Insurance Berhad

Wisma MCIS, Jalan Barat
46200 Petaling Jaya, Selangor
Telephone No: 03-7652 3388 Fax No: 03-7957 1562
E-mail: customerservice@mcis.my
<http://www.mcis.my>



Prudential Assurance Malaysia Berhad

Level 17, Menara Prudential
10, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Telephone No: 03-2031 8228 Fax No: 03-2032 3939
Customer Service: 03-2116 0228
E-mail: customer.mys@prudential.com.my
<https://www.prudential.com.my>



Sun Life Malaysia Assurance Berhad

Level 11, No. 338, Jalan Tuanku Abdul Rahman
50100 Kuala Lumpur
Telephone No: 03-2612 3600 Fax No: 03-2698 7035
Customer Careline: 1-300-88-5055
Email: wecare@sunlifemalaysia.com
<http://www.sunlifemalaysia.com>



TOKIO MARINE
INSURANCE GROUP

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

Ground Floor, Menara Tokio Marine Life
189, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur
Telephone No: 03-2059 6188 Fax No: 03-2162 8068
E-mail: customercare@tokiomarinelife.com.my
<http://www.tokiomarine.com>



Zurich Insurance Malaysia Berhad

11th Floor, Menara Zurich
No. 12, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur
Telephone No: 03-2146 8000
Call Centre: 1-300-888-622
Email: callcentre@zurich.com.my
<http://www.zurich.com.my>

Perlindungan yang Mampu dan Mudah untuk Semua

Simple and Affordable PROTECTION for All



For details, visit www.liam.org.my